

TR: 1.5.1966

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN RASMI PAMERAN
UMNO 20 TAHUN DI STADIUM NEGARA
PADA 11HB MEI, 1966.

Y.B. Tuan Pengerusi,
Y.B. Menteri-menteri,
Y.A.B. Menteri-menteri Besar,
Y.A.B. Ketua-ketua Menteri,
Ahli-ahli Yang Berhormat,
Tuan-tuan dan Puan-puan yang hadir sekalian;

Saya amatlah besar hati kerana telah diminta merasmikan Pembukaan Pameran UMNO bagi menyambut hari ulang tahun yang ke 20 usia UMNO. Saya ucapkan setinggi terima kasih dan tahniah kepada Tuan Pengerusi dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah berusaha dan bersusah payah mengatur Pameran ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, pada fikiran saya, sebenarnya tidak mustahak mengadakan Pameran yang semacam ini jika hendak mengingat kembali pekerjaan-pekerjaan, jasa-jasa UMNO kepada rakyat negeri ini sebab segala perkara-perkara ini - jasa-jasa dan perjuangan UMNO untuk kepentingan bangsa, negara dan agama - adalah terang dan nyata dan patut sangat tersemat di hati sanubari tiap-tiap orang ahli UMNO dan seterusnya orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam masa 20 tahun UMNO di tubuhkan, jasa-jasa UMNO kepada umat Melayu terutama sekali, kepada bangsa dan negara kita adalah banyak dan besar. Kalau kita renung balik ke belakang pada masa 20 tahun dahulu bagaimana keadaan negara kita ini, keadaan-keadaan orang-orang Melayu seterusnya, kita dapati bagaimana banyak perubahan-perubahan yang telah tercapai disebabkan oleh UMNO.

Tuan-tuan dan puan-puan mengetahui bahawa UMNO ditubuhkan pada Mei, 1946 dengan tujuan hendak menyelamatkan orang-orang Melayu di Tanah Melayu dan hendak menjaga hak-hak dan kepentingan-kepentingan orang Melayu. Pada masa itu kedudukan

Negeri Melayu, Raja-raja Melayu dan kedudukan orang-orang Melayu telah terancam disebabkan Kerajaan British dengan kuat kuasanya sendiri telah menubuhkan Malayan Union dan hendak menjadikan Negeri-negeri Melayu sebagai negeri jajahan takluk British. Oleh sebab ancaman ini orang-orang Melayu telah sedar dan bangkit berjuang selepas pertubuhan UMNO - di bawah anjuran dan ketuaan Allahyarham Dato' Onn Ja'afar. UMNO telah berjuang meruntuhkan Malayan Union itu dan menggantikannya kepada Persekutuan Tanah Melayu. Kalau tidak disebabkan oleh UMNO, apakah akan jadi kepada orang-orang Melayu pada masa ini? Syukurlah kita hendak membayangkannya. Dengan tertubuhnya UMNO maka timbullah kesedaran di kalangan orang-orang Melayu bahawa jika mereka itu hendak mempunyai tempat yang sempurna di negaranya sendiri dan jika mereka itu cintakan untung nasib anak cucunya, mustahaklah mereka itu berdiri berjuang mempertahankan hak-hak dan kedudukannya. Di sini tentulah kita tidak boleh lupa jasa-jasa Allahyarham Dato' Onn kerana dengan ketuaannya dan anjurannya, orang-orang Melayu telah bangkit, mula-mula bangkit dan semangat kebangsaan telah timbul.

Kejatuhan Malayan Union adalah kemenangan UMNO yang pertama dan yang besar. Akan tetapi dengan jatuhnya Malayan Union dan tujuan UMNO yang pertama iaitu hendak menghidupkan orang-orang Melayu telah sempurna maka didapati dengan adanya keadaan Negeri-negeri Melayu di bawah naungan British dan kuasa pentadbiran sebenar-benarnya di tangan British, untung nasib orang-orang Melayu dan rakyat Malaya tidak dapat terjamin. Dengan sebab itu pada tahun 1951, bulan Mac, di dalam Persidangan Gerakan Pemuda UMNO di Sultan Sulaiman Kelab, Kuala Lumpur dan pemuda-pemudanya menjadi pelopor perjuangan UMNO kita, pemuda-pemuda UMNO telah membuat ketetapan supaya menukar seruan UMNO kepada "Merdeka". Sungguhpun ketetapan ini telah ditentang oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu sebab mereka itu belum lagi yakin yang orang-orang Melayu mempunyai kekuatan yang cukup untuk mentadbirkan negerinya sendiri. Ketetapan pemudah itu telah dipersetujui oleh Perhimpunan Agong UMNO dengan suara yang terbanyak. Selepas itu timbul pula perselisihan di antara Yang Di-Pertuan Agong UMNO pada masa itu Allahyarham Dato' Onn, dengan ahli-ahli UMNO biasa. Dato' Onn berkehendakkan UMNO membuka pintu kepada sesiapa juga daripada apa bangsa sekalipun yang duduk

dalam Tanah Melayu yang sedia hendak menerima dasar dan perjuangan UMNO. Ahli-ahli UMNO tidak dapat menerima cadangan ini dan Dato' Onn terpaksa meninggalkan UMNO dan menubuhkan satu parti baharu iaitu Parti Kemerdekaan Malaya atau I.M.P. Bila Dato' Onn keluar dari UMNO, UMNO telah dapat mencari seorang penganjur yang baharu iaitu Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi sebagai Yang Di-Pertua Agong UMNO. Dengan pertukaran pimpinan UMNO, dalam UMNO di bawah ketuaan Tunku, UMNO telah bertambah maju dan kuat dan mendapat sokongan orang-orang Melayu. Tunku, sebagai penganjur yang jujur sedar dan insaf bahawa tujuan UMNO hendak mencapai kemerdekaan tidak boleh tercapai, tidak boleh dilaksanakan, melainkan UMNO mendapat sokongan daripada penduduk-penduduk daripada bangsa lain yang duduk di Malaya ini. Dengan itu maka timbullah usaha hendak mengadakan Perikatan antara UMNO, M.C.A dan M.I.C. Perikatan ini telah merebak pengaruhnya dan telah menang boleh dikatakan semua pilihanraya-pilihanraya di peringkat majlis bandar dan munisipal mulai dari tahun 1952-54.

Apabila Kerajaan British melihat akan kekuatan UMNO dan Perikatan, UMNO telah mendesak supaya diadakan pilihanraya di peringkat kebangsaan pada bulan Julai, 1955. Dalam pilihanraya ini Perikatan telah menang 51 daripada 52 kerusi. Dengan kemenangan yang gilang gemilang ini nyatalah bahawa Perikatan adalah di sokong oleh rakyat dan cita-cita Perikatan hendak menuntut kemerdekaan bagi negara ini adalah mendapat sokongan yang besar daripada penduduk-penduduk Malaya. Kerajaan British dengan serta merta bersetuju mengadakan perundingan dan telah bersetuju menentukan tarikh kemerdekaan bagi Malaya pada 31 Ogos, 1957. Di sini nyatalah bahawa UMNOlah yang mula-mula memperjuangkan kemerdekaan serta menentukan tarikh kemerdekaan itu.

Semenjak kemerdekaan, Kerajaan Perikatan yang didukung oleh UMNO serta M.C.A. dan M.I.C, telah berjaya mentadbirkan negara kita ini dengan aman dan adil dan telah dapat pula menjalankan rancangan-rancangan kemajuan negara dengan cara besar-besaran untuk memberi perubahan-perubahan nasib kepada penduduk-penduduk di negara kita ini, baiknya duduk di bandar-bandar, istimewa pula yang duduk di kampung-kampung dan di luar-luar bandar. Kejayaan Kerajaan Perikatan dalam lapangan

pembangunan ini adalah termasyhur bukan sahaja di Tenggara Asia ini bahkan di seluruh dunia. Dan pada hari ini cara Malaysia melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya adalah menjadi contoh dan teladan kepada negara-negara asing. Begitu juga seperti tuan-tuan dan puan-puan telah mengetahui, bahawa Kerajaan Perikatan pada tahun 1963 telah berjaya menubuhkan Malaysia iaitu negara yang lebih besar dan lebih luas lagi daripada Tanah Melayu dahulu. Nyatalah dalam masa 20 tahun yang lalu, kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh UMNO dan Perikatan adalah sangat banyak dan luas.

Tuan-tuan dan puan-puan, kejayaan UMNO adalah disebabkan UMNO mempunyai pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua yang jujur dan ikhlas, yang taat setia bukan sahaja kepada parti kepada rakyat ini bahkan taat setia kepada sesama sendiri di antara satu sama lain. Keduanya, UMNO adalah berdasarkan demokrasi dan ahli-ahli UMNO di semua peringkat mendapat peluang untuk mengambil bahagian dalam menentukan dasar-dasar dan perjuangan-perjuangan UMNO dan melaksanakan hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak mereka itu dari satu masa ke satu masa. Dengan sebab UMNO mengamalkan dasar-dasar demokrasi yang tulen, UMNO telah berjalan dengan licin dan sempurna dan pemimpin-pemimpin, ketua-ketua UMNO dari semua peringkat adalah sentiasa berdamping rapat dengan rakyat dan mempunyai hubungan rapat dan mesra dengan rakyat. Dengan sebab inilah UMNO menjadi kuat dan mendapat sokongan yang kuat dan hebat daripada orang-orang Melayu. UMNO adalah sebenar-benarnya sebuah parti kebangsaan bagi orang-orang Melayu untuk menjalankan kehendak-kehendak mereka itu dalam semua lapangan, lapangan siasah, iktisad, masyarakat dan agama. Dan UMNO adalah terbuka kepada semua orang-orang Melayu yang mempunyai apapun faham politik ataupun mempunyai kecenderungan keagamaan, keraria UMNO memberi peluang kepada semua pihak bagi mengeluarkan buah fikiran mereka dengan berterus terang supaya dapat kehendak-kehendak kebangsaan orang-orang Melayu dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas dan dengan sempurna.

Oleh sebab itu bagi mengambil sempena hari perayaan UMNO 20 tahun ini, saya berseru kepada orang-orang Melayu khususnya supaya memberi sokongan kepada UMNO dan orang-orang Melayu yang sekarang ini berada di luar UMNO supaya memasuki menjadi ahli-

ahli UMNO kerana tidak ada parti siasah yang lain boleh memperjuangkan kehendak-kehendak orang-orang Melayu, melainkan UMNO. Seperti saya katakan tadi, UMNO menjalankan kehendak-kehendak orang-orang Melayu dalam semua lapangan. Dalam lapangan agama, UMNO telah menjalankan usaha-usaha untuk meninggikan taraf mutu agama kita yang maha suci itu dengan mendirikan masjid-masjid, surau-surau dan sekolah-sekolah agama di merata-rata tempat ceruk rantau dalam negara kita ini. Pada hari ini ada beratus-ratus dan beribu-ribu masjid, surau dan sekolah-sekolah agama yang telah dibina oleh Kerajaan Perikatan. Kerajaan Perikatan berazam terus hendak meneruskan pembinaan-pembinaan seperti ini supaya rumah-rumah agama kita itu menjadi tempat yang sempurna untuk kita semua orang-orang Islam yang hendak menunaikan suruhan-suruhan dan hukum-hukum Allah s.w.t.

Parti yang menentang UMNO daripada kalangan orang-orang Melayu hanya satu sahaja iaitu Parti Islam Se-Malaya. Parti ini, pada pandangan saya, tidak ada apa-apa tujuan kerana dasar-dasar parti yang diagong-agongkan oleh ketua-ketuanya hendak meninggikan taraf mutu agama kita dan hendak memperkembangkan Agama Islam kita yang maha suci itu, telahpun dijalankan oleh UMNO dan Perikatan. Sebaliknya Parti PAS ini sedikit pun tidak dapat menjalankan kehendak-kehendak partinya. Oleh itu apakah tujuan parti ini yang masa ada, melainkan hanya hendak memecah belahkan perpaduan di antara orang-orang Melayu dan orang-orang Islam. Jikalau orang-orang Melayu semuanya dapat berdiri di bawah satu parti siasah sahaja untuk menjalankan kehendak-kehendak orang-orang Melayu dalam semua lapangan, dan begitu juga saya harap ahli-ahli bumiputera sekalian, nescaya senanglah kita hendak menjalankan kehendak-kehendak dan cita-cita orang-orang Melayu dan bumiputera supaya mereka dapat mempunyai tempat yang sempurna di negara kita ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, sungguhpun jasa-jasa UMNO pada masa yang lampau sangat banyak dan tetap tercatat dalam sejarah negara kita, akan tetapi UMNO masih mempunyai tanggungjawab dan tugas-tugas yang penting yang mustahak dilaksanakan. Tugas-tugas yang pertama selain daripada menjalankan usaha-usaha memperkembangkan agama dan mempertinggikan mutu Agama Islam yang maha suci itu ialah untuk menolong Kerajaan menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk memperbaiki ekonomi orang-orang

Melayu dan ahli-ahli bumiputera supaya mereka itu dapat mengambil bahagian yang lebih sempurna dan lebih luas lagi dalam lapangan iktisad dan perusahaan. Inilah sebenar-benarnya cabaran kepada UMNO kerana untung nasib orang-orang Melayu dan bumiputera adalah bergantung kepada UMNO. Kerajaan Perikatan sedang mengatur langkah untuk menjalankan apa juga ikhtiar yang difikirkan patut dan munasabah dalam lapangan ini supaya orang-orang Melayu dan bumiputera dapat mempunyai taraf hidup dan mata pencarian yang sempurna dan dapat mempunyai keadaan iktisad yang sempurna. Dengan itu dapat bersama-sama dengan bangsa-bangsa asing yang telahpun berkemajuan. Saya yakin dan percaya jika UMNO disokong dengan kuatnya oleh orang-orang Melayu maka tanggungjawab dan cita-cita UMNO dalam semua lapangan akan dapat dihasilkan dengan sempurna. Oleh itu marilah kita bersama-sama membaharui azam pada hari yang bertuah dan bersejarah ini bagi melaksanakan tugas-tugas UMNO, membaharui taat setia kita kepada pucuk pemimpin Y.T.M. Tunku dan kepada Perlembagaan dan dasar-dasar perjuangan UMNO.

Dan lagi menjadi tanggungjawab bagi UMNO juga untuk menguatkan semangat kerjasama dengan rakan-rakan kita MCA dan MIC dan dengan itu menguatkan tali persahabatan dan perasaan persefahaman di antara ketua-ketua yang duduk di tanahair kita ini. UMNO, sebagai parti yang mempunyai dasar yang luas dan realistik, adalah memandang kepada kepentingan-kepentingan bangsa dan negara dan dengan itu mustahaklah kita menguatkan perpaduan di antara rakyat dan dengan itu mustahaklah kita menguatkan perpaduan di antara rakyat negeri ini daripada berbilang bangsa supaya satu masa nanti dapat dilahirkan satu bangsa yang tulin yang taat setianya tidak berbelah bagi kepada Malaysia. Hanya dengan dapat kita melahirkan, walaupun dengan cara perlahan-lahan dan beransur-ansur, semangat kebangsaan Malaysia iaitu semangat kebangsaan menurut negeri, bukan bagi satu puak sahaja, baharulah kita dapat menjamin keselamatan, kemerdekaan dan kemajuan negara kita.

Begitu juga mustahaklah kita memandang kepada penduduk-penduduk di Sabah dan di Sarawak yang telah bersetuju hendak bersama dengan kita. Mustahaklah kita memandang kepada mereka itu untuk memberi pertolongan kepada mereka dan menguatkan perpaduan penduduk-penduduk di negeri-negeri itu yang terdiri

daripada berbilang keturunan dan agama supaya dapat mereka itu bersama-sama maju dengan kita. Kita telah menghulurkan tangan kepada penduduk-penduduk di Sabah dan di Sarawak itu supaya bersama-sama dengan kita sebagai warganegara satu negara, sehidup semati, sama-sama timbul dan sama-sama tenggelam. Marilah kita bersama-sama menumpukan tenaga kita dengan mereka itu supaya kita dapat membina satu negara yang aman, maju dan makmur. Penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak telah bersetuju hendak bersama-sama dengan kita disebabkan mereka itu memandang dan mengetahui bahawa kita di sini dahulu adalah menjalankan dasar yang jujur dan adil. Dengan sebab itu mustahaklah kita meneruskan dasar ini supaya dapat kita bersama-sama membela nasib penduduk-penduduk negara kita daripada semua bangsa itu.

Pada masa 20 tahun yang lampau, UMNO telah mendapat sokongan yang sangat kuat daripada orang-orang Melayu dan pemimpin-pemimpin UMNO, Y.T.M. Tunku, saya sendiri, dan pemimpin-pemimpin yang lain sangatlah terhutang budi dan terharu mengenangkan taat setia yang telah ditunjukkan oleh orang-orang Melayu kepada UMNO dan sokongan, kepercayaan yang mereka berikan kepada pucuk pemimpin UMNO. Pada 3 kali pilihanraya kebangsaan semenjak tahun 1955, UMNO dan Perikatan telah mendapat kemenangan yang gilang gemilang disebabkan oleh sokongan daripada pihak rakyat jelata di negara kita ini.

Pada masa kita menyambut hari yang bersejarah ini, sambil kita mengingatkan jasa-jasa parti kita dan peristiwa-peristiwa yang gilang gemilang pada masa yang lampau, marilah kita memandang ke hadapan bagi menguatkan azam kita untuk melaksanakan cita-cita dan kehendak-kehendak parti kita; kehendak-kehendak bangsa dan negara kita. Sungguhpun UMNO telah banyak jasa-jasanya, akan tetapi banyak lagi perkara-perkara yang hendak dijalankan, terutama sekali usaha-usaha bagi memperbaiki iktisad orang-orang Melayu dan bumiputera dan memberi mereka itu tempat yang sempurna di negara kita ini. Tidak dapat tiada pada masa akan datang kita akan menghadapi masalah dan cabaran-cabaran seperti pada masa-masa yang sudah. Pada masa-masa yang lampau kita telah dapat mengatasi segala cabaran di negara kita disebabkan oleh kejujuran pemimpin-pemimpin UMNO dan kejujuran dan hasrat serta cita-cita UMNO pada masa yang akan datang ini, dengan berkat Tuhan, dengan kita terus mengamalkan dasar yang jujur dan

ikhlas, cita-cita yang baik dan bersih itu akan dapat mengatasi segala cabaran dan dugaan.

Kita bersyukur kepada Tuhan sebab memandang kepada suasana dan perkembangan yang akhir-akhir ini adalah membayangkan ada kemungkinan konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap kita itu akan dapat ditamatkan. Kita berharap kepada pihak pemimpin-pemimpin Indonesia baharu itu akan menunjukkan sebenar-benarnya kejujuran kepada kita kerana kita sebenar-benarnya berniat baik dan ikhlas terhadap mereka itu dan terhadap rakyat Indonesia, sebab kita sebenar-benarnya berkehendakkan kerjasama yang rapat dengan negara-negara jiran kita, terutama sekali Indonesia. Kita yakin dan percaya hanya dengan perhtibungan baik di antara negara-negara jiran, baharulah dapat kita bersama-sama mara ke hadapan bantu membantu untuk menjamin keselamatan, keamanan dan kemajuan yang dicita-citakan oleh rakyat di Tenggara Asia ini.

Akhirnya, saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli UMNO, seterusnya kepada rakyat negeri ini supaya terus memberi sokongan kepada pemimpin-pemimpin UMNO dan Perikatan yang ada sekarang ini iaitu pemimpin-pemimpin yang sederhana, yang mempunyai sifat-sifat sederhana, yang percaya kepada dasar-dasar demokrasi dan yang sentiasa sedia hendak berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Hanya dengan ada pemimpin-pemimpin yang semacam ini dapatlah kita menjamin kerjasama, perhubungan yang erat di antara penduduk-penduduk di negara kita daripada berbagai bangsa itu dan dapat kita menjamin keamanan dan ketenteraman negara kita untuk kita semua mencapai kemajuan dan kebahagiaan hidup yang kita cita-citakan itu.

Sekianlah sahaja.

Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan pembukaan Pameran ini dengan harapan dan doa mudah-mudahan Pameran ini dapat menimbul dan menguatkan semangat perjuangan dan semangat bekerja dan berkhidmat bukan sahaja di kalangan ahli-ahli UMNO, bahkan seluruh rakyat Malaysia ini.

Sekianlah sahaja. Selamat Maju Jaya.

Merdeka.



Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bin Hussein juga sebagai Timbalan Yang diPertua UMNO sedang berucap di majlis perasmian pembukaan pameran UMNO, di Stadium Negara, Kuala Lumpur pada 11 Mei 1966.